



## SIARAN AKHBAR

---

### **PARA PESARA KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA DIRAIKAN**

**Hari Sabtu, 08 Safar 1442H/26 September 2020M**

Bandar Seri Begawan - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Jabatan-Jabatan di bawahnya petang tadi telah mengadakan Majlis Penghargaan dan Penyampaian Sijil Perkhidmatan Pesara-Pesara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya Bagi Tahun 2018/2019M bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Yang Mulia Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan di KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat. Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Pemangku Setiausaha Tetap, Awang Abdul Halidi bin Mohd Salleh.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya berkesudian bagi menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada seramai 45 orang pesara KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis seumpama itu merupakan aktiviti tahunan KSSUP bertujuan untuk meraikan para pesara dan sebagai tanda penghargaan di atas jasa dan sumbangan bakti mereka sepanjang berkhidmat di KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

/TAMAT

Disediakan oleh:

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

**26hb. September 2020M**